

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

-----  
Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 (73 )

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2014/2014-2015)  
BILANGAN 4 TAHUN 2014**

**Tarikh** : 29 Mei 2014 (Khamis)  
**Masa** : 10.30 Pagi – 12.32 Petang  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**  
**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 10 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan April dan Mei tahun 2014.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

**3.1 KAJIAN CITIES IN MOTION INDEX 2014**

Kajian Cities in Motion Index 2014 oleh IESE meletakkan Tokyo, London dan New York di 3 tangga teratas sekali antara 135 buah bandar yang dikatakan "smart cities". Kajian ini mengukur masa depan kemampuan bandar utama di dunia dan juga kualiti hidup penduduknya. Kajian ini mengambil kira 50 indikator dalam 10 dimensi berlainan, iaitu tadbir urus, pentadbiran awam, perancangan bandar, teknologi, alam sekitar, perhubungan antarabangsa,



keharmonian sosial, mobiliti dan pengangkutan, modal insan dan ekonomi.

Kajian ini merumuskan bahawa tiada satu bandar yang akan memenuhi semua kriteria bestari tetapi yang penting bagi pengurus bandar adalah memahami hubung-kait antara satu sama lain dan juga berusaha mencapai tahap minima yang ditetapkan. Sebagai contohnya bandaraya Tokyo mencapai skor tertinggi dalam aspek modal insan, tetapi hanya mencapai tangga ke-20 bagi aspek alam sekitar dan tangga ke-125 bagi keharmonian sosial.

Kuala Lumpur menduduki tangga ke-56 dengan markah 50.16 berbanding dengan Tokyo, 100 markah. Aspek alam sekitar di tangga ke-17 merupakan kedudukan terbaik manakala modal insan di tangga ke-98 merupakan kedudukan yang paling rendah bagi Kuala Lumpur. Majlis seharusnya mengambil ilham daripada kajian ini sebagai penandaaras bagi menambahbaik lagi sistem tadbir urus, penyampaian kemudahan dan perkhidmatan serta kapasiti adaptasi kita terutamanya dalam proses permohonan pembangunan dan penyampaian perkhidmatan PBT.

### 3.2 PENINGKATAN DAYA SAING DAN DAYA HUNI BANDAR

Menjelang tahun 2030, seramai 5 billion orang ataupun 60% penduduk dunia akan tinggal di kawasan bandar. Di Malaysia pula, 70% menjelang tahun 2020 manakala Petaling Jaya akan sentiasa mengalami tekanan penghijrahan masuk penduduk daripada luar bandar. Dalam erti kata lain, pengurus bandar hendaklah merangka pelan strategik bagi menampung keperluan daripada pertambahan penduduk tersebut demi meningkatkan daya saing dan daya huni bandar-bandar mereka.

Seiring itu, McKinsey telah menjalankan kajian "**How to make a city great**" ke atas 80 kajian kes bandar dan menemubual lebih 30 orang Datuk Bandar dengan liputan ke atas penilaian indikator prestasi ekonomi, sosial dan alam sekitar bandar. Kajian mendapati bahawa pengurus bandar yang meningkatkan prestasi pengurusan dan pentadbiran akan memberi tumpuan kepada 3 perkara, iaitu: -

- i. **Achieve smart growth** di mana integrasi pertumbuhan ekonomi dengan kapasiti tampungan alam sekitar diberi fokus. Bandar perlu melabur dalam pembangunan infrastruktur yang akan mengurangkan penjana karbon dioksida, sampah dan penggunaan air di samping pembinaan komuniti berdensiti tinggi.

- ii. ***They do more with less.*** Memperolehi punca pendapatan dan cukai yang sepatutnya, mengenalpasti rakan perkongsian pelaburan, menggunakan teknologi sepenuhnya dan mengadakan perubahan organisasi yang membasmikan pertindihan peranan dan tugas serta menguruskan perbelanjaan secara berkesan.
- iii. ***They win support for change.*** Pengurus bandar yang berjaya akan membina satu pasukan pegawai kerajaan yang berprestasi tinggi, mewujudkan persekitaran kerja di mana semua kakitangan akan bertanggungjawab penuh ke atas tindakan mereka dan mengambil peluang untuk mengadakan perundingan dengan semua pihak berkepentingan.

### 3.3 MGBC LEADERSHIP SUSTAINABILITY AWARD

MBPJ terus melakar kejayaan dengan penganugerahan Malaysia Green Building Confederation ataupun *MGBC Leadership Sustainability Award* dalam kategori Business Leadership pada 10 Mei 2014. Turut menerima anugerah ini adalah Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Sunway Group dan SP Setia. Menurut ulasan panel hakim, pengiktirafan tersebut berdasarkan kesungguhan Majlis menjadikan Petaling Jaya sebuah Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah menerusi mekanisma perancangan pembangunan dan retrofit.

Langkah tersebut termasuk syarat mandatori bagi elemen hijau dimasukkan dalam pembangunan baru dan memberi rebat kepada penduduk untuk mengamalkan gaya hidup mesra hijau. Majlis akan mewakili Malaysia untuk menyertai Anugerah World Green Building Council. Saya berharap penganugerahan ini akan mendorong kita semua termasuk jabatan-jabatan teknikal luaran lebih giat lagi dan komited untuk memajukan kedaya-hunian Bandar raya Petaling Jaya menjelang tahun 2030.

### 3.4 PELAKSANAAN SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPAHE)

MBPJ telah mula mengenakan syarat Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHE) pada tahun 2000 di dalam kelulusan Pelan Bangunan untuk bangunan kediaman sesebuah. Oleh kerana syarat SPAHE bukanlah satu syarat mandatori, maka Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 perlu dipinda. Pindaan Undang-undang Kecil 2, 10 dan 115 di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 (Pindaan 2012) telah mewajibkan pemasangan SPAHE dalam pembangunan baru yang diwajibkan adalah bangunan kediaman sesebuah dan

berkembar serta semua kategori bangunan berasingan seperti bangunan kerajaan, industri, institusi, komersial dan lain-lain lagi.

Namun begitu menyedari betapa pentingnya kita memelihara alam sekitar, Majlis telah pun mengenakan syarat mandatori kepada semua pembangunan pada tahun 2010 di dalam kelulusan Kebenaran Merancang.

Dari tahun 2010 sehingga April 2014, sebanyak 672 pembangunan telah disyaratkan melaksanakan SPAH. Di atas keprihatinan Majlis di dalam menangani masalah alam sekitar selain menggunakan syarat SPAH, syarat-syarat lain juga dikenakan seperti MASMA, 'Green Building' dan lain-lain yang berkaitan alam sekitar dan alam semula jadi. Usaha-usaha ini sangat memerlukan komitmen daripada pihak pemaju. Selain daripada itu, Majlis telah melaksanakan inisiatif Skim Rebat Cukai Taksiran untuk menggalakkan pemilik-pemilik bangunan kediaman lebih mesra alam hijau dan berkarbon rendah. Sebanyak 40 buah rumah kediaman telah diberi rebat cukai taksiran dari tahun 2011-2013 yang berjumlah RM70,946.53. Rebat maksima untuk SPAH adalah 20%.

Hasil penyelidikan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) Kualiti Air Hujan adalah Kelas 11B dan sesuai untuk penggunaan rekreasi dengan sentuhan badan. SPAH akan dapat membantu membekalkan air jika terdapat krisis bekalan air awam. Kos Operasi memproses air di loji-loji air dapat dijimatkan sekaligus dapat mengurangkan air larian permukaan (surface runoff) daripada memasuki sistem saluran awam.

Setiap penghuni rumah menggunakan purata 50 galen air sehari iaitu 20% untuk mandi, 25% untuk tandas, 17% untuk mencuci pakaian, 3% untuk minum dan memasak dan 35% untuk mencuci kereta / bangunan dan menyiram tanaman. Ini bermakna 60% penggunaan air boleh menggunakan air hujan. Air hujan tidak sesuai untuk tujuan minum dan mandian. Sekiranya hanya 50% sahaja air hujan digunakan ianya akan menjimatkan 30% penggunaan air yang dirawat.

Satu lagi kaedah yang boleh dikongsi adalah, katakan di dalam sesebuah rumah yang mempunyai 'cistern' berkapasiti 6 liter mungkin akan di 'flush' sebanyak 12 kali sehari, ini bermaksud 72 liter air yang dirawat dibuang. Cuba fikirkan sekiranya 72 liter ini, adalah air mineral dan dibuang setiap hari ke dalam tandas, jelas ianya merupakan satu pembaziran air dirawat. Keadaan ini mungkin akan mengubah minda kita untuk menyediakan SPAH. Ini belum lagi

diambil kira air yang digunakan untuk mencuci dan menyiram tanaman.

SPAH hanya perlu dipasang kepada bangunan yang mempunyai keluasan kawasan bumbung sama atau melebihi 100 meter persegi. Ini bermakna tangki air hujan yang sesuai untuk dipasang adalah bersaiz minima 3 meter padu (1600 gelen) untuk rumah kediaman. Kos untuk pemasangan SPAH pada rumah banglo dan rumah berkembar dianggarkan sebanyak RM3000.00 – RM5000.00 sahaja.

Antara projek perintis pada tahun 2001 yang terlibat di kawasan Petaling Jaya adalah projek perumahan 189 unit rumah teres PKNS di Kota Damansara dan Kompleks Membeli Belah One Utama pada tahun 2003. Pusat Membeli Belah One Utama telah memberi komitmen dalam penggunaan SPAH dengan kos pembinaan sebanyak RM1.16 juta. Kapasiti simpanan air 2.3 juta gelen pada satu-satu masa dan kapasiti simpanan sehingga 20 hari. Dengan sistem SPAH ini, bil air asal yang berjumlah RM150,000.00 telah dapat dikurangkan kepada RM120,000.00 sebulan, iaitu dengan penjimatan sebanyak RM30,000 sebulan dan pulangan dianggar dalam tempoh 8-9 tahun.

Majlis juga telah mula menguatkuasakan pelaksanaan SPAH di bangunan-bangunan Majlis sedia ada. Majlis dari semasa ke semasa akan berusaha untuk memberi kesedaran kepada penduduk Petaling Jaya betapa pentingnya menggunakan SPAH kerana penggunaan SPAH dapat mengurangkan permintaan air awam, kos memproses rawatan air dan menyalurkan air, dapat mengelakkan banjir kilat akibat dari hujan lebat.

Usaha-usaha Majlis mewajibkan pemaju-pemaju dan pemilik-pemilik rumah kediaman menyediakan SPAH telah mendapat pengiktirafan iaitu Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau JPBD 2013 (Kategori SPAH), MGBC Leadership In Sustainability Award 2014 (Business Leadership Category). Pengiktirafan bukan sahaja di dalam negara tetapi lebih membanggakan pengiktirafan daripada luar negara iaitu The Green Organisation United Nation Enviroment Programme (Green World Ambassador 2014).

### **3.5 PENGGUNAAN AIR SECARA BERHEMAH**

Walaupun catuan air bagi tujuan menangani masalah kekurangan air di kawasan tadahan dan empangan telah dihentikan mulai 1hb Mei yang lepas, namun semua pihak adalah dinasihatkan supaya mengambil langkah berhemah bagi menjimatkan penggunaan air. Ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu penggunaan 165 liter air setiap hari bagi memenuhi

keperluan asas biologi insan, saya memohon supaya keperluan mengurangkan penggunaan air dimasukkan dalam syarat kelulusan kebenaran merancang dan pelan bangunan.

Ini termasuk kehendak mandatori memasang sistem pengumpulan air hujan, menyediakan kolam takungan air, pemasangan tangki air tandas dengan kapasiti kurang daripada 6 liter, liputan hijau atas tapak dan lain bagi semua projek pembangunan. Pelaksanaan syarat-syarat ini hendaklah dipantau secara teratur dan ketat supaya menjadi satu langkah adaptasi kita dalam menangani masalah alam sekitar bandar amnya dan pemeliharaan sumber air khasnya.

### 3.6 **PEMBANGUNAN BELIA**

Berdasarkan takrifan Dasar Pembangunan Belia Negara 1997, golongan belia merupakan mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun dari segi strategi pelaksanaan program dan orientasi aktiviti, tumpuan utama ialah mereka yang berumur 18 hingga 25 tahun.

Golongan belia merupakan golongan terbesar di Malaysia yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan negara dengan cara mengemblem tenaga golongan ini untuk mewujudkan ketahanan sosial, ekonomi dan politik.

Pembangunan belia di Malaysia berdasarkan beberapa strategi yang digariskan dalam Dasar Pembangunan Belia Negara iaitu pembangunan ilmu, pembentukan sikap dengan menerapkan nilai-nilai murni, pembangunan kemahiran dan keusahawanan, pemupukan gaya hidup sihat dengan berpersatuan dan aktiviti sukarela, kemudahan interaksi sosial, perkongsian dalam pembangunan dengan jalinan kerjasama antara agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan serta jaringan hubungan antarabangsa.

Pada tahun 2013 populasi di Malaysia ialah 27.4 juta orang dan daripada jumlah ini 13.6 juta orang merupakan golongan belia yang mencatatkan sebanyak 48 peratus daripada penduduk Malaysia. Manakala Negeri Selangor mencatatkan golongan belia paling tinggi iaitu 1.46 juta belia lelaki dan 1.35 juta belia wanita. Di Petaling Jaya sahaja terdapat seramai 351,000 golongan belia, dengan pecahan mengikut kawasan iaitu Sekyen : 46,054, Kawasan SS : 67,200, Kawasan PJS : 59,747, dan Kawasan PJU : 178,090.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah memperkenalkan Strategi Belia atau *Youth Strategy* 2014-2017 dengan tema

memperkasakan golongan belia dunia demi masa depan yang lebih terjamin.

Strategi ini berdasarkan kepada beberapa teras iaitu:

- i. Generasi muda merupakan golongan yang paling ramai berada di bawah paras kemiskinan,
- ii. Golongan muda yang berumur di bawah 35 tahun kurang mendapat tempat dalam bidang politik,
- iii. Seramai 35 juta pelarian di seluruh dunia merupakan golongan berumur bawah 29 tahun, dan
- iv. Lebih 780,000 belia yang berumur antara 15 hingga 24 tahun menghidap HIV di seluruh dunia pada tahun 2012.

Di peringkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya, pembangunan belia melalui beberapa platform iaitu Rakan Muda, Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dan belia Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang memberi ruang kepada golongan belia melibatkan diri dalam pelbagai bidang, antaranya pembangunan keusahawanan, pendidikan, ekonomi dan sosial bagi membimbing golongan ini melibatkan diri dalam aktiviti sihat dan mengelakkan diri terjebak dalam gejala tidak bermoral.

Pelaksanaan program belia turut mendapat kerjasama dan sokongan daripada agensi luar seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), GIATMARA, Pejabat Pendidikan Daerah, Polis Diraja Malaysia, Institut Pengajian Tinggi dan Swasta.

### **3.7 PENGAWASAN KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN MAKANAN**

Apabila menyentuh tentang pemakanan, apa yang terpahat di dalam fikiran manusia adalah keenakan sesuatu makanan itu. Realitinya, masyarakat sering mengutamakan rasa dan kesedapan makanan, namun hakikatnya tabiat begini harus diubah bagi mengelakkan keracunan dan mendapat penyakit seperti tyfoid atau taun.

Antara faktor utama keracunan makanan adalah kecuaiian yang dilakukan sesetengah individu dalam penyediaan makanan. MBPJ mengambil perhatian serius di dalam memastikan pengendali premis gerai-gerai dan restoran mengikut prosedur penyediaan makanan mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Justeru, Jabatan Kesihatan Persekitaran memberi tumpuan berterusan bagi meningkatkan tahap pengawasan kebersihan dan keselamatan makanan di Petaling Jaya, yang melibatkan 26 kompleks gerai Majlis dan 1,536 restoran. Majlis menggunakan tiga kaedah pemeriksaan iaitu menjalankan pemeriksaan premis makanan, pensampelan contoh makanan mikro dan pemeriksaan swab tangan terhadap pengendali makanan bagi mengesan bakteria yang dikenali sebagai E.coli (Escherichia Coli).

Pemeriksaan swab tangan adalah penting kerana berdasarkan laporan, pihak Majlis mendapati kebanyakan pengendali makanan tidak mengamalkan langkah pencucian tangan dengan betul. Sepanjang tahun lalu, sebanyak 117 kes kesalahan telah direkodkan terhadap pengendali makanan kerana gagal dalam pemeriksaan swab tangan kerana terdapat E.coli.

Setiap premis dan pengendali makanan akan diberi markah penilaian mengikut perintah kerja-kerja pembersihan premis di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983. Setiap premis yang memperolehi gred A akan disyorkan pemberian sijil premis bersih, bagi yang mendapat gred B dan C akan dikenakan tindakan notis atau kompaun, bagi kesalahan gred D notis arahan ditutup dikeluarkan.

Beliau menyeru semua pengendali premis makanan mengambil berat aspek kebersihan penyediaan makanan dan mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

### **3.8 PEKERJA INOVATIF BANDAR RAYA PROGRESIF**

Selaras dengan wawasan MBPJ menjadikan Petaling Jaya sebagai Bandaraya Mampan dan Berdayahuni dengan Imej Dan Urus Tadbir Baik Serta Persekitaran Harmoni Dan Sejahtera pastinya memerlukan komitmen semua warga kerja MBPJ. Justeru itu, kita perlulah menanam satu nilai baru dalam diri kita ini yang sekaligus dapat mengubah cara kita berfikir dan bertindak. Kepekaan terhadap apa yang berlaku di persekitaran kita serta tindakan pantas kita boleh membawa manfaat besar terhadap pelanggan kita iaitu penduduk Petaling Jaya.

Kita bertanggungjawab memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk dan masyarakat umum, yang dapat memenuhi ekspektasi, perkhidmatan yang memudahkan, efisien, telus, responsif dan proaktif. Di dalam usaha untuk mewujudkan senario



ini, kita perlulah peka dan selari dengan perubahan yang berlaku kesan dari kemajuan teknologi yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa dan keperluan perkhidmatan asas perbandaran.

Ekspektasi tinggi penduduk telah memberi impak kepada semua warga kerja MBPJ. Seiring dengan itu, kita harus sentiasa bersiap-siaga menghadapi perubahan dan gelombang baharu dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

Beliau percaya dengan kekuatan pegawai dan kakitangan seramai 1,800 orang di Majlis ini haruslah disepadukan untuk mewujudkan dan memperkasakan satu fenomena bekerja dengan lebih pantas dan cekap. Apa yang diinginkan oleh penduduk adalah perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti khususnya perkhidmatan teras Majlis.

Kita tidak boleh mudah berpuas hati terhadap apa yang telah dilaksanakan dan terus berfikir serta melaksanakan penambahbaikan perkhidmatan secara berterusan.

### **3.9 OPERASI PUSAT HIBURAN**

MBPJ telah melaksanakan operasi bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia dan Imigresen pada 17 Mei 2014 melibatkan kawasan di Damansara Perdana. Hasil serbuan yang dijalankan mendapati premis hiburan ini tidak mempunyai lesen yang sah daripada MBPJ.

Tindakan sitaan telah diambil di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1995. Seramai 17 orang warga asing telah ditahan untuk siasatan lanjutan oleh Jabatan Imigresen bagi pelbagai kesalahan. Sepanjang tahun 2014 sebanyak 6 operasi bersepadu pusat hiburan telah dijalankan dan sebanyak 18 kompaun telah dikeluarkan dan sebanyak 1 sitaan telah dibuat bagi tahun ini. Seramai 41 orang warga asing dan 17 orang warganegara telah ditahan untuk siasatan lanjut oleh PDRM, JAIS, AADK dan Imigresen.

### **3.10 FESTIVAL ANTARABANGSA PETALING JAYA 2014 – KESENIAN RAKYAT**

Sektor pelancongan merupakan penyumbang ketiga terbesar terhadap ekonomi negara selepas sektor pembuatan dan kelapa sawit. Sektor ini banyak membuka peluang pekerjaan serta perniagaan. Industri pelancongan bukan sahaja menggalakkan penggiat industri ini mengembang luas perniagaan, termasuk dalam sektor perkhidmatan, yang menjana pendapatan dan aktiviti ekonomi negara, tetapi turut menjadi jambatan hubungan rakyat dengan rakyat.

Sejajar dengan kenyataan daripada Pertubuhan Pelancongan Dunia (UNWTO) yang meramalkan peningkatan sekitar 3-4% dalam ketibaan pelancong antarabangsa di seluruh dunia bagi sepanjang tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya, Malaysia turut mendapat percikan nikmat daripada perkembangan positif industri pelancongan dunia. Ini selaras dengan sasaran negara iaitu mencapai seramai 36 juta orang pelancong dengan jumlah pendapatan sebanyak RM168 bilion menjelang tahun 2020.

Statistik kedatangan pelancong asing ke negara ini yang kian meningkat saban tahun menunjukkan prestasi baik industri pelancongan negara. Sejumlah 25.7 juta pelancong asing mengunjungi Malaysia pada tahun 2013 dengan merekodkan perbelanjaan sebanyak RM65.44 billion berbanding RM60.56 billion pada 2012. Aktiviti membeli belah merupakan antara komponen terbesar merangkumi 30.2 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pelancong pada tahun lepas.

Peningkatan jumlah pelancong asing didorong oleh promosi Malaysia sebagai kawasan bebas cukai dan pusat membeli belah yang berpatutan. Tourism Malaysia juga turut merekodkan sepanjang tahun lepas, kedatangan jumlah pelancong Singapura paling ramai iaitu 13.1 juta orang, diikuti Indonesia (2.5 juta), China (1.7 juta), Brunei (1.2 juta) dan Thailand (1.1 juta) . Pada tahun ini Malaysia mensasarkan 28 juta pelancong asing bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia.

Seiring itu, MBPJ berhasrat menjadikan Bandar Raya Petaling Jaya sebagai sebuah destinasi pelancongan bandar dengan tumpuan kepada **SHE - Shopping, Health and Education**.

Bagi merealisasikan hasrat itu, MBPJ dengan kerjasama Majlis Antarabangsa Festival dan Pertubuhan Kesenian Rakyat (International Council of Folklore Festivals & Folk Arts Organizations) atau CIOFF sebuah badan bukan kerajaan akan menganjurkan Festival Antarabangsa Petaling Jaya 2014 dengan tema Kesenian Rakyat. Tema ini dipilih bertepatan dengan salah satu elemen dan hala tuju utama Petaling Jaya Sejahtera 2030 (*PJ Sustainable 2030*) iaitu Budaya dan Komuniti – Masyarakat Harmoni, Selamat dan Prihatin.

Festival Antarabangsa Petaling Jaya 2014 diadakan bertujuan untuk mempromosi Bandar Raya Petaling Jaya, Negeri Selangor dan

Malaysia amnya sebagai sebuah destinasi pelancongan antarabangsa, berdaya huni melalui keharmonian budaya, ciri-ciri persekitaran baik dan aktiviti-aktiviti yang menarik. Sebanyak 14 negara akan memeriahkan penganjuran festival ini iaitu Jepun, Korea, Mesir, Senegal, Kenya, Filipina, Thailand, Sri Lanka, Bangladesh, Indonesia, Nigeria, Iran, Ghana dan India. Penyertaan dalam negeri pula melibatkan Negeri Selangor, Melaka, Sarawak, Kelantan, Perak dan Negeri Sembilan.

Penganjuran festival ini juga bersempena dengan sambutan ulang tahun ke 8 Bandar Raya Petaling Jaya serta Tahun Melawat Malaysia 2014. Program ini akan mula diadakan dengan persembahan pentas di pusat membeli belah di sekitar Petaling Jaya pada 17 hingga 19 Jun, diikuti dengan acara pelancaran pada 20 Jun dan karnival kesenian rakyat akan berlangsung pada 20 hingga 22 Jun 2014 di Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Festival ini menawarkan pelbagai aktiviti menarik seperti pelbagai pameran dan jualan kraf, demonstrasi masakan tradisional, persembahan kesenian rakyat dalam negeri dan luar negara serta sukan rakyat yang merangkumi penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Para pengunjung juga berpeluang mendapatkan pakej pelancongan istimewa ke destinasi pilihan di Travel Fair oleh MATTA Fair Selangor sepanjang karnival berlangsung.

Menariknya sambutan kali ini telah mendapat kolaborasi yang baik daripada badan-badan korporat, NGO dan pengurusan kompleks membeli-belah iaitu Damansara Performing Arts Centre, Paradigm Mall, Sunway Giza, Empire Shopping Gallery, The Curve, Sunway Pyramid, Uptown D’Kota dan KLIA yang telah bersetuju bekerjasama sebagai penaja lokasi bagi segmen ‘pocket show’.

Beliau berbesar hati menjemput seluruh penduduk Petaling Jaya dan rakyat Malaysia amnya hadir memeriahkan festival ini. Saksikan keunikan kepelbagaian budaya dan kesenian insan sejagat di Petaling Jaya.

#### **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

##### **4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 3 TAHUN 2014 (SESI 2014/2015)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 3 Tahun 2014 bertarikh 30 April telah diluluskan tanpa pindaan.

5.0 **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 3 TAHUN 2014 YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 APRIL 2014.**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.2	<p><b>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 21 MAC 2014, 24 MAC 2014, 4 APRIL 2014, 14 APRIL 2014 DAN 21 APRIL 2014.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Encik Jeyaseelan a/l T. Anthony meminta agar Jabatan Kejuruteraan memantau kerja-kerja penurapan jalan oleh SYABAS kerana hasil pemerhatian beliau didapati setiap kali SYABAS mengorek jalan, tampalan yang dibuat tidak rata dan jalan akan rosak semula.</li> </ul>	<p>Jabatan Kejuruteraan telah mengadakan mesyuarat bersama pihak utiliti bagi membincang dan menyelaras semua isu-isu dan masalah yang berkaitan dengan pihak utiliti pada 16 Januari 2014 dan mesyuarat susulan seterusnya akan diadakan pada 28 Mei 2014.</p>
6.3.3	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Encik Tony Cheong Siew Thong mencadangkan agar Jabatan Kesihatan Persekitaran 'stand by' untuk menukar papan tanda jadual kerja bagi paparan senarai kontraktor yang baru.</li> </ul>	<p>Jabatan Kesihatan Persekitaran mengambil maklum dan dalam proses untuk mendapatkan sebhutharga. Tindakan pertukaran nama kontraktor di papantanda jadual kerja di tapak akan dibuat secara berperingkat.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.3.6	<ul style="list-style-type: none"> <li>- YBhg. Datin Paduka Pengerusi meminta agar senarai kontraktor baru yang telah siap diagihkan kepada setiap Ahli Majlis untuk rujukan</li> <li>- Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud memaklumkan bahawa MBPJ lebih fokus dan memantau kontraktor pembersihan sedangkan yang menyumbang kepada pembuang sampah terbesar adalah penduduk. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar jabatan berkaitan menguatkuasakan undang-undang agar penduduk lebih berdisiplin dan bandar Petaling Jaya bebas daripada sampah.</li> </ul>	<p>Senarai kontraktor yang terbaru akan dikemukakan melalui email kepada ahli majlis pada 22 Mei 2014.</p> <p>Jabatan Kesihatan Persekitaran sememangnya menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap orang awam terutama ke atas premis-premis perniagaan, kawasan-kawasan perumahan dan juga di tempat-tempat 'hot-spot' berlakunya masalah pembuangan sampah haram. Namun yang demikian, tindakan ini tidak dibuat secara rutin memandangkan kekangan kakitangan yang dihadapi disamping pemantauan ke atas kontraktor juga perlu dibuat setiap masa oleh kakitangan yang sama bagi memastikan kerja-kerja kutipan dan pembersihan dijalankan dengan sempurna.</p>
6.3.7	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Encik Oon Chong Lin menyokong cadangan daripada Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud dan meminta agar Jabatan Kesihatan Persekitaran menambah bilangan tong-tong sampah di kawasan yang tiada tong sampah seperti di Jalan SS 9A/1.</li> </ul>	<p>Jabatan Kesihatan Persekitaran didalam proses pembelian tong sampah "litter bin" untuk ditempatkan di kawasan tumpuan orang awam seperti kawasan komersil, taman dan perhentian bas.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.1	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Selain daripada itu beliau meminta agar taklimat kidex dipercepatkan.</li> </ul>	<p>'Town Hall Meeting' dan Taklimat bagi Pembinaan Lebuhraya Kinrara Damansara Expressway (KIDEX) telah diadakan pada 16 Mei 2014. Walaubagaimanapun ianya tidak dapat diteruskan kerana terdapat bantahan daripada penduduk.</p>
7.2	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau meminta agar Unit Aduan Awam lebih fokus kepada maklumbalas aduan. Jawapan status aduan hendaklah dikemukakan kepada pengadu untuk makluman.</li> <li>- YBhg. Datin Paduka Pengerusi berharap agar sistem aduan diselesaikan dalam bulan April ini memandangkan SOP aduan telah siap dibuat.</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pasukan eAduan telah ditubuhkan dan dianggotai oleh 3 Ahli Majlis (En.Tang Fuie Koh, En.Oon Chong Ling, En.Ang Ming Ern dan En.Azizi Ariffin) dan jabatan/bahagian yang terlibat dengan pengurusan aduan.</li> <li>2. Perbincangan tentang SOP dan keperluan sistem telah dibuat pada 7 hb Mei dan 21 hb Mei dihadiri oleh Ahli Majlis (En. Oon Chong Ling dan En. Ang Ming Ern) dan Jabatan/Bahagian yang terlibat dengan pengurusan Aduan.</li> <li>3.En Oon Chong Ling membantu perancangan sistem baru. En Ang Ming Ern membantu penambahbaikan sistem sedia ada.</li> <li>4. Fungsi pemantauan tindakan menggunakan 'dashboard' akan di tambah kepada fungsi sistem.</li> </ol>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.6	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH</b></p> <p>Beliau berharap agar pelantikan kontraktor pembersihan dipercepatkan memandangkan setelah kontraktor pembersihan yang tidak <i>perform</i> dipecat baru-baru ini, kawasan beliau tiada kontraktor pembersihan. Selain daripada itu, Majlis tidak mempunyai <i>backup</i> kontraktor bagi menggantikan kontraktor yang dipecat.</p>	<p>Proses pelantikan telah dijalankan seperti yang dirancang. Namun bagi kawasan yang tidak mempunyai kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan, kontraktor panel <i>back-up</i> telah diarahkan untuk melakukan kerja-kerja tersebut.</p>
7.8	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN SIA SIEW CHIN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau turut mencadangkan agar bas percuma melalui kawasan SS2/24 atau Jabatan Kejuruteraan menyediakan pejalan kaki OKU ke Jalan Semangat untuk memudahkan OKU mendapatkan bas percuma di situ.</li> </ul>	<p>Laluan bas percuma yang sedang beroperasi sekarang merupakan laluan yang telah dikenalpasti Majlis bagi meredakan kesesakan lalulintas di sekitar Pusat Bandar Seksyen 52 Petaling Jaya selaras dengan pelaksanaan sistem jalan sehalu yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.</p> <p>Laluan ini juga merupakan laluan projek perintis dan akan di kaji sama ada untuk dilaksanakan di kawasan-kawasan pusat Bandar lain atau pun tidak bergantung kepada sambutan dan permintaan penduduk terhadap perkhidmatan ini.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.8.3	<p>- Beliau turut memohon status menaiktaraf pasar Old Town. YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan kajian terperinci perlu dibuat dengan mengambilkira peniaga sedia ada yang berniaga di kawasan tersebut.</p>	<p>Pihak Majlis telah selesai membuat kajian terhadap keretakan struktur pasar Jalan Othman. Secara keseluruhannya bangunan pasar masih selamat digunakan dan perlu dibuat 'refurbishment' dengan segera. Majlis sedang meneliti dan mengkaji bangunan pasar sediaada untuk dinaiktaraf selaras dengan keperluan UBBL.</p>
7.9	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD.</b></p> <p>- Beliau turut berharap agar pelantikan kontraktor pembersihan dibuat dengan lebih teratur dan dipercepatkan.</p>	<p>Pelantikan kontraktor pembersihan dibuat dengan mengikut prosedur yang ditetapkan.</p>

## 6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

### 6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 7 MEI 2014. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (39)]

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandar, MBPJ.**



- 6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 7 MEI, 14 MEI DAN 19 MEI 2014.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (17)]  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (19)]  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (21)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

- 6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 14 MEI 2014.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD 2 (29)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**

- 6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 15 MEI 2014.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (111)]

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.**

- 6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 15 MEI 2014.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (4)]

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

- 6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 16 MEI 2014 DAN 21 MEI 2014.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (24)]  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (26)]

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

- 6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BERTARIKH 20 MEI 2014.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (4)]

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

- 6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 20 MEI 2014.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (75)]

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut dengan di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

- 6.9 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 23 MEI 2014.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (8)]

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan minit bagi perkara 7.1.1 a) seperti berikut:-

- a) Encik Halimey bin Abu Bakar supaya Majlis melaksanakan kerja-kerja penaiktarafan padang-padang terbiar di Zon 24.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

**7.0 UCAPAN PENANGGUHAN****7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN**

- 7.1.1 Beliau berharap agar Majlis dapat memberikan maklumat berkaitan pengubahsuaian struktur pelan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Ahli Majlis.

Pengarah Perancangan Pembangunan akan membentangkan deraf pengubahsuaian struktur pelan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Mampan setelah deraf diterima daripada Kerajaan Negeri.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ,**

**7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH**

- 7.2.1 Beliau berharap agar Majlis mengadakan sesi taklimat berkaitan struktur organisasi baru kepada Ahli Majlis agar maklumat dapat disampaikan kepada penduduk.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa carta organisasi baru masih di dalam proses perbincangan. Carta tersebut akan dibentangkan kepada Ahli Majlis setelah selesai.

- 7.2.2 Selain daripada itu, beliau turut membangkitkan keadaan tandas di Jaya Supermarket tidak mengikut standard Orang Kelainan Upaya (OKU).

- 7.2.3 Berkaitan Festival PJ Fair yang akan berlangsung tidak lama lagi, tempat letak kereta akan menjadi isu yang dibangkitkan oleh orang awam. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar Tempat Letak Kereta di Komplek A dan C disiapkan segera. Beliau turut berharap agar Majlis menyediakan papan tunjuk arah tempat meletak kenderaan memandangkan terdapat ramai pengunjung dari luar pada masa Festival itu berjalan.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,  
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.**

**7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH**

7.3.1 Beliau berharap agar hanya perkara berkaitan dengan dasar dan polisi dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis.

**Tindakan : Semua Ahli Majlis, MBPJ.**

**7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL**

7.4.1 Beliau berharap agar bahagian berkaitan mendapatkan maklumbalas daripada orang awam berkaitan kemudahan bas percuma di Petaling Jaya. Kajian perlu dibuat ke atas maklumbalas tersebut agar perkhidmatan yang diberi lebih baik dan memenuhi kehendak penduduk Petaling Jaya.

7.4.2 Selain daripada itu beliau turut mencadangkan agar diadakan hebahan melalui radio berkaitan kemudahan bas percuma ole hebahkan kepada orang awam melalui hebahan radio.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,  
Pengarah, Perhubungan Awam, MBPJ.**

**7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD**

**7.5.1 Rumah Terbengkalai**

Beliau membangkitkan isu rumah terbengkalai di zon pemantauan beliau dimana terdapat banyak aduan daripada orang awam berkaitan rumah terbengkalai dan kenapa tidak dihebahkan.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**

**7.5.2 Penjaja haram di Pasar Malam**

Beliau memaklumkan bahawa terdapat ramai penjaja haram di pasar-pasar malam di mana penjaja tersebut akan melarikan diri bila anggota penguatkuasa bertugas dan mula berniaga semula apabila anggota penguatkuasa tiada.

**SULIT**

Sehubungan dengan itu beliau berharap agar anggota penguatkuasa ditempatkan dipasar malam untuk memantau aktiviti penjaja haram.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan  
Keselamatan, MBPJ.**

**7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SURIASE A/L  
GENGIAH**

7.6.1 Beliau turut membangkitkan isu penjaja tanpa lesen yang berniaga di tepi jalan di Sri Damansara. Sehubungan dengan itu mesyuarat memutuskan agar tempat untuk memindahkan peniaga-peniaga tersebut dikenalpasti sebelum tindakan roboh dijalankan.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan dan  
Pembangunan, MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.32 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.



**(PUASA BIN MD TAIB),**  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 16 Jun 2014



**SULIT**

**HADIR:**

01. YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad, Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Puasa bin Md. Taib, Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen, Ahli Majlis, MBPJ.
04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud, Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Tang Fui Koh, Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Mahharul bin Ismail, Ahli Majlis, MBPJ.
07. Puan Cynthia Gabriel, Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony, Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Tony Cheong Siew Thong, Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Azri bin Mohamad Arish, Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Suriase a/l Gengiah, Ahli Majlis, MBPJ.
12. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan, Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Oon Chong Ling, Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Ang Ming Ern, Ahli Majlis, MBPJ.

**SULIT**

15. Encik Halimey bin Abu Bakar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Azizi bin Ariffin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Puan Sia Siew Chin,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Wakil Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,  
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.



**SULIT**

11. Puan Norzita binti Mokhtar,  
Wakil Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ.
12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,  
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,  
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,  
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,  
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Cik Norshabani binti Johari,  
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),  
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ.
19. Puan Saliza binti Mohd. Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
20. Tuan Haji Ahmad Johari bin Salleh,  
Penolong Pengarah Kanan (Korporat),  
Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.
21. Puan Azizah binti Haji Kosni,  
Penolong Pengarah Kanan (Pentadbiran Am),  
Bahagian Pentadbiran Am, MBPJ.

**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.





**SULIT**

**URUSETIA :**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Puan Suriyati binti Othman,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



**SULIT**